



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN



**KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN
KREATIF KPKT TAHUN 2016**

www.kpkt.gov.my



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. Pengenalan	4
2. Objektif	4
3. Kategori Penyertaan KIK	5
4. Pengiktirafan dan Hadiah Pemenang KIK	6
5. Syarat-syarat Penyertaan	6
6. Penilaian Projek	8
6.1 Pemeriksaan Projek KIK	8
6.2 Penilaian Persembahan Projek KIK	8
6.3 Penilaian Dokumentasi Projek KIK	9
6.4 Penilaian Pameran Projek KIK	9
7. Tatacara Penyertaan	10
Lampiran A : Borang Penyertaan	11
Lampiran B : Senarai Semak Penyertaan	16



PERKARA	MUKA SURAT
Lampiran 1(a) : Skema Pemarkahan Kriteria Pemeriksaan Projek (30%) - Kategori Pengurusan dan Teknikal	18
Lampiran 1(b) : Skema Pemarkahan Kriteria Pemeriksaan Projek (30%) - Kategori Hibrid	24
Lampiran 2(a) : Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Persembahan Projek (20%) – Kategori Pengurusan dan Teknikal	29
Lampiran 2(b) : Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Persembahan Projek (20%) – Kategori Hibrid	30
Lampiran 3(a) : Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Projek Melalui Dokumentasi (40%) – Kategori Pengurusan dan Teknikal	31
Lampiran 3(b) : Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Projek Melalui Dokumentasi (40%) – Kategori Hibrid	34
Lampiran 4 : Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Pameran Projek (10%)	36



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara penyertaan / pencalonan ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2016.

2. OBJEKTIF

Objektif Konvensyen KIK KPKT adalah untuk meningkatkan:

- i. Keupayaan mencipta cara bekerja baru atau menghasilkan inovasi;
- ii. Kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja;
- iii. Semangat bekerja secara berpasukan;
- iv. Penyemaian dan penerapan nilai etika kerja positif;
- v. Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja;
- vi. Dorongan kerja yang tinggi;
- vii. Kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan, organisasi dan negara;
- viii. Penggalakkan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif; dan
- ix. Pewujudan hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja.



3. KATEGORI PENYERTAAN KIK

Penyertaan KIK terbahagi kepada (3) kategori iaitu:

i. Kategori Teknikal

Sesuatu projek teknikal ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahaan (*industrial arts*) dan sains gunaan (*applied sciences*). Masalah yang dikenal pasti dan yang telah diselesaikan oleh kumpulan adalah masalah yang berhubung kait dengan bidang yang dinyatakan. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan dan dilaksanakan juga adalah dalam bidang yang sama. Contoh projek teknikal ialah penciptaan peralatan baru, pengubahsuaian rekabentuk peralatan lama kepada yang baru, pembangunan sistem komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan pewujudan kaedah teknikal baru.

ii. Kategori Pengurusan

Sesuatu projek yang bukan teknikal akan dimasukkan di bawah kategori pengurusan. Projek-projek di bawah kategori ini adalah yang berkaitan dengan penyelesaian masalah-masalah pentadbiran atau pengurusan sistem dan prosedur kerja. Contoh projek dalam kategori ini ialah penggabungan borang permohonan, komposit lesen, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja yang baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada yang baru yang boleh menjimatkan masa, meningkatkan produktiviti atau hasil kerja, meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan atau meningkatkan kutipan hasil kerajaan.

iii. Kategori Hibrid

Projek KIK Hibrid adalah merupakan projek yang melibatkan dua (2) atau lebih Kementerian / Jabatan / Agensi berlainan fungsi. Gabungan beberapa Kementerian / Jabatan / Agensi ini akan melaksanakan projek KIK yang melibatkan isu / masalah / perkara yang berkaitan di antara Kementerian / Jabatan / Agensi terlibat.



4. PENGIKTIRAFAN DAN HADIAH PEMENANG KIK

Pemenang KIK bagi setiap kategori akan menerima anugerah dan hadiah seperti berikut:

KATEGORI	TEMPAT	PENGIKTIRAFAN	HADIAH
Pengurusan dan Teknikal	Pertama	Anugerah KIK Menteri	RM5,000.00, piala, sijil
	Kedua	Anugerah KIK Timbalan Menteri	RM3,000.00, sijil
	Ketiga	Anugerah KIK Ketua Setiausaha	RM2,000.00, sijil
Hibrid	RM5,000.00, piala, sijil		

- Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3/2013 : Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi

Jadual 1: Pengiktirafan KIK KPKT

5. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan seperti berikut:

- i. Penyertaan adalah dibuka kepada semua KIK daripada Jabatan/Bahagian di KPKT.
- ii. Hanya projek berusia 2 tahun dibenar dicalonkan untuk menyertai Konvensyen KIK KPKT 2016. Definisi **dua (2) tahun** dikira dari tarikh pelaksanaan projek (ujicuba 1) sehingga **15 Julai 2016**.
- iii. Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan dan diseragamkan sebelum pertandingan pada tahun semasa.



- iv. Projek KIK yang dikemukakan hendaklah merupakan projek yang belum pernah dipertandingkan dalam mana-mana Konvensyen KIK peringkat Negeri/Kebangsaan (Sektor Awam) pada tahun-tahun sebelumnya.
- v. Setiap Jabatan/Bahagian dibenarkan untuk mencalonkan sebanyak tiga (3) kumpulan bagi setiap kategori yang dipertandingkan iaitu pengurusan, teknikal dan hibrid. Penetapan kategori ini adalah berdasarkan kriteria projek.
- vi. Pencalonan menyertai Konvensyen KIK KPKT 2016 hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Bahagian masing-masing dengan menggunakan borang penyertaan di **Lampiran A**.
- vii. Bilangan maksima keahlian setiap kumpulan dihadkan kepada **10 orang sahaja** termasuk ketua kumpulan.
- viii. Pihak urus setia berhak menerima atau menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan yang tidak memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan. Pemilihan kumpulan yang layak menyertai Konvensyen KIK KPKT 2016 adalah muktamad.
- ix. Saringan penyertaan akan dibuat pada bulan Ogos 2016 dan hanya kumpulan yang berjaya sahaja akan dimaklumkan secara rasmi.
- x. Keputusan panel bagi setiap peringkat penilaian pertandingan adalah **muktamad**.
- xi. Pihak urus setia pada bila-bila masa berhak untuk membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada syarat-syarat penyertaan ini tanpa perlu merujuk kepada peserta.



6. PENILAIAN PROJEK

Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek adalah seperti di **Jadual 2** dan diterangkan secara terperinci di perkara 6.1, 6.2, 6.3 dan 6.4.

BIL.	KATEGORI PENILAIAN	TEMPOH	MARKAH	CATATAN
1.	Pemeriksaan Projek KIK	1 hari	30%	Sebelum Konvensyen
2.	Persembahan Projek KIK	5 minit	60%	Semasa Konvensyen
3.	Penilaian Projek KIK Melalui Dokumentasi (VIVA)	25 minit		
4.	Pameran Projek KIK	5 minit	10%	

Jadual 2: Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek

6.1 PEMERIKSAAN PROJEK KIK

Panel Penilai yang dilantik akan menilai setiap projek KIK berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan seperti **Lampiran 1(a) (kategori pengurusan dan teknikal)** dan **Lampiran 1(b) (kategori hibrid)** bagi tujuan berikut:

- i. Pemeriksaan terhadap validitasi/kesahihan data dan sumber data projek; dan
- ii. Pemeriksaan terhadap penyeragaman projek dan penilaian kumpulan.

6.2 PENILAIAN PERSEMBAHAN PROJEK KIK

Semua kumpulan dikehendaki bersiap sedia **lima (5) minit** lebih awal dari masa yang telah ditetapkan dalam Jadual Persembahan KIK berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan seperti **Lampiran 2(a) (kategori pengurusan dan teknikal)** dan **Lampiran 2(b) (kategori hibrid)**:



- i. Persembahan montaj (sekiranya ada) adalah dihadkan **tidak melebihi satu (1) minit**;
- ii. Tempoh masa persembahan projek untuk setiap kumpulan adalah selama **lima (5) minit**. Masa persembahan akan bermula selepas perkataan pertama disebutkan oleh kumpulan;
- iii. Loceng/*buzzer* permulaan akan dibunyikan setelah tamat **lima (5) minit** masa persediaan sekiranya tiada permulaan oleh kumpulan. Loceng kedua akan dibunyikan setelah cukup **tiga (3) minit**; dan loceng/*buzzer* penamat akan dibunyikan setelah cukup **lima (5) minit** persembahan; dan
- iv. Penilaian akan dijalankan oleh ahli-ahli Panel Penilai. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

6.3 PENILAIAN DOKUMENTASI PROJEK KIK

Penilaian dokumentasi projek diadakan secara bersemuka antara panel dan peserta berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan adalah seperti **Lampiran 3(a) (kategori pengurusan dan teknikal)** dan **Lampiran 3(b) (kategori hibrid)**. Tempoh sesi soal jawab untuk setiap kumpulan adalah selama **dua puluh lima (25) minit** untuk menjawab soalan-soalan daripada ahli panel penilai secara terperinci mengenai projek berdasarkan dokumen yang telah dikemukakan.

6.4 PENILAIAN PAMERAN PROJEK KIK

Penilaian ke atas kreativiti dan inovasi kumpulan dalam mempamerkan dan mempromosikan projek yang dipertandingkan berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan seperti **Lampiran 4**. Tempoh sesi demonstrasi adalah selama **lima (5) minit** untuk menerangkan hasil dan impak projek.



7. TATACARA PENYERTAAN

Jabatan/Bahagian yang berminat untuk menyertai Konvensyen KIK perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- i. Melengkapkan **Borang Penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPkt Tahun 2016** seperti pada **Lampiran A**;
- ii. Mengisi **Senarai Semak Penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPkt Tahun 2016** seperti pada **Lampiran B** dengan ditandatangani oleh Ketua Jabatan/Bahagian;
- iii. Menyediakan **lima (5) salinan dokumen projek KIK 2016** bersama *softcopy* dalam bentuk *Microsoft Power Point* dan PDF yang mengandungi lapan (8) kriteria seperti pada **Lampiran 3(a) dan 3(b) dalam satu (1) keping cakera padat (CD);** dan
- iv. Mengemukakan Borang Permohonan bersama-sama dokumen sebelum atau pada **15 Julai 2016 (Jumaat)** kepada:

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa,
Aras 20, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA.
(u.p.: Unit Inovasi)
No. Tel.: 03-8871 5060/5075/5103
No. Faks: 03-8891 3088
E-mel: inovasi@kpkt.gov.my**



LAMPIRAN A

PENYERTAAN

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT TAHUN 2016

- * **SEMUA PESERTA MESTI MEMBACA PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**
- * **SEMUA BORANG PENYERTAAN MESTI DITAIP**
- * **SALINAN 'FOTOCOPY' BORANG PENYERTAAN DITERIMA**

BAHAGIAN A. PROFIL KUMPULAN

1. JABATAN/BAHAGIAN	
2. TAJUK PROJEK	
3. KATEGORI	*Tandakan (✓) di <input type="checkbox"/> yang berkenaan Pengurusan <input type="checkbox"/> Teknikal <input type="checkbox"/> Hibrid <input type="checkbox"/>
4. NAMA KUMPULAN	
5. NAMA FASILITATOR	NAMA : GRED DAN JAWATAN : NO. TEL. PEJABAT : NO TEL. BIMBIT : EMEL :
6. NAMA KETUA KUMPULAN	NAMA : GRED DAN JAWATAN : NO. TEL. PEJABAT : NO TEL. BIMBIT : EMEL :
7. SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN	1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.



BAHAGIAN B. RINGKASAN PROJEK

1. NAMA KUMPULAN	
2. JABATAN/BAHAGIAN	
3. TAJUK PROJEK	
4. KATEGORI	*Tandakan (✓) di <input type="checkbox"/> yang berkenaan Pengurusan <input type="checkbox"/> Teknikal <input type="checkbox"/> Hibrid <input type="checkbox"/>
5. TARikh PROJEK DIMULAKAN	
6. TARikh PROJEK DIPERSEMBAHKAN KEPADa PIHAK PENGURUSAN	
7. HURAIAN RINGKAS MASALAH PROJEK	
8. PUNCA-PUNCA UTAMA MASALAH	
9. CADANGAN PENYELESAIAN	



10.FAEDAH PROJEK	(a) Pengurangan Kos	
	(b) Penjimatan Masa	
	(c) Peningkatan Hasil Kerja	
	(d) Peningkatan kepuasan hati pelanggan	
	(e) Faedah-faedah lain	
11.TARIKH PROJEK DIMULAKAN		
12.PELAKSANAAN PROJEK		



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



BAHAGIAN C. MAKLUMAT TAMBAHAN

<p>1. PAMERAN</p>	<p>*Tandakan (✓) di <input type="checkbox"/> yang berkenaan</p> <p>Meja & Kerusi <input type="checkbox"/></p> <p>Tanpa meja <input type="checkbox"/></p>
<p>2. GAMBAR PASUKAN</p> <div style="border: 1px solid black; height: 400px; width: 100%;"></div> <p>*Sila kemukakan juga dalam bentuk softcopy (format jpeg)</p>	

Keterangan gambar : Nama mengikut susunan seperti di gambar



BAHAGIAN D. PENGISYTIHARAN

1. Kumpulan kami mengisyiharkan bahawa kami telah membaca dan bersetuju mematuhi peraturan dan syarat-syarat pertandingan yang dinyatakan di dalam garis panduan.
2. Keputusan panel hakim dan jawatankuasa penganjur adalah muktamad.
3. Kami juga ingin mengisyiharkan bahawa produk rekaan kami adalah asli dan sekiranya hal ini tidak berlaku kami bersedia untuk memulangkan semula anugerah dan hadiah yang kami menangi kepada pihak penganjur.

Tarikh : _____

Tandatangan Ketua Kumpulan : _____
(_____)

No Kad Pengenalan : _____



LAMPIRAN B

**SENARAI SEMAK PENYERTAAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT TAHUN 2016**

1. Disertakan bersama-sama ini penyertaan kumpulan _____ dari _____ yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut :

- (i) Satu (1) salinan Borang penyertaan seperti di Lampiran A;
- (ii) Lima (5) salinan Laporan KIK (*hardcopy*)
- (iii) Satu (1) keping cakera padat (CD) Laporan KIK (*softcopy - Microsoft Power Point* dan PDF)
- (iv) Satu (1) gambar kumpulan (format 'jpeg' dan 'softcopy')

* Sila tandakan (✓) di yang berkenaan.

.....

(Tandatangan)

Nama Penyelaras : _____

Tarikh : _____

Cop Jabatan : _____



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



2. Pengesahan Ketua Jabatan/Bahagian:

**Saya mengesahkan bahawa inovasi ini *dipertandingkan/tidak
dipertandingkan dalam pertandingan KIK peringkat Jabatan/Bahagian.**

Tandatangan Ketua Jabatan/Bahagian

Cop Jabatan/Bahagian

***Potong mana yang tidak berkenaan**

**Untuk Kegunaan Urus Setia Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT
Tahun 2016**

Tarikh Penerimaan : _____

Cop Terima :

**Nama dan Tandatangan Penerima : _____
()**



LAMPIRAN 1(a)

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT TAHUN 2016

Skema Pemarkahan Kriteria Pemeriksaan Projek KIK (30%)

KATEGORI : _____

NAMA KUMPULAN : _____

TAJUK : _____

Skema Pemarkahan:

0 - 2 (Lemah)

3 - 5 (Sederhana)

6 - 8 (Baik)

9 - 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN RUJUKAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
1 Pengenalan					
	a. Latar belakang Jabatan, Kumpulan dan pemilihan Ahli Kumpulan diterangkan.	Pemilihan Ahli Kumpulan.	i. Surat perlantikan Ahli Kumpulan. ii. Surat kelulusan Agensi berhubung dengan penubuhan Kumpulan. iii. Tarikh penubuhan Kumpulan – rujuk minit mesyuarat Kumpulan.	2	
	b. Kumpulan menjelaskan bukti penyertaan dan perancangan projek.	Pengagihan tugas kumpulan dan perancangan projek.	i. Minit mesyuarat kumpulan menjelaskan pengagihan tugas. ii. Perancangan dan pelaksanaan projek dilaksanakan seperti mana diperincikan di dalam Jadual Perbatuan. iii. Status pelaksanaan projek dinyatakan di dalam minit mesyuarat.	2	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN RUJUKAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
2	Pemilihan Projek				
	a. Projek yang dipilih berdasarkan kepada kajian latar belakang dan maklumat serta data-data masa lepas.	Senaraikan masalah yang dikenalpasti di dalam organisasi.	Semak: i. Kaedah pemilihan masalah direkodkan atau diminitkan. ii. Kesahihan masalah yang dikenalpasti (masalah berkenaan wujud di dalam organisasi). iii. Sumber data.	5	
	b. Projek yang dipilih memenuhi kehendak pelanggan organisasi; atau Bahagian; atau Unit di mana kumpulan itu berkhidmat. Ia juga menepati wawasan, matlamat, objektif atau piagam pelanggan unit /bahagian/organisasi.	Pernyataan Objektif dan Piagam Pelanggan dipamerkan.	Semak: i. Kesahihan dan ketepatan kenyataan objektif dan piagam pelanggan (mesti sama dengan yang tertulis di dalam dokumen).	5	
	c. Pemilihan projek dilakukan secara sistematis.	Kaedah pemilihan atau mengenalpasti masalah KIK.	Semak; i. Cara masalah di kenalpasti. ii. Teknik pemilihan masalah direkodkan atau diminitkan.	4	
3	Penjelasan Projek				
	a. Projek diterangkan dengan jelas. Istilah-istilah teknikal yang digunakan perlu dijelaskan.				



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN RUJUKAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
	b. Cara penetapan objektif / sasaran projek diterangkan dengan jelas berdasarkan analisa data atau Penanda Arasan.	Sasaran projek ditetapkan berdasarkan analisis data.	Semak: i. Kesahihan data dikumpul. ii. Semak borang yang digunakan (jika berkenaan). iii. Sumber data.	4	
4 Analisa Projek					
	a. Pendekatan secara sistematis dan bersesuaian untuk tujuan mengenalpasti dan mengesahkan sebab-sebab masalah yang paling mungkin atau isu yang berkaitan.	Pemilihan sebab-sebab masalah yang paling mungkin atau isu yang berkaitan.	Semak: i. Senarai masalah yang dikenalpasti. ii. Sumber data.	7	
	b. Pendekatan secara sistematis dan bersesuaian untuk tujuan mengumpul data berkaitan dengan projek.	Kaedah pengumpulan data.	Semak: i. Borang soal selidik (jika berkaitan). ii. Analisis direkodkan.	7	
	c. Persembahan data yang berkesan.				
5 Cadangan Penyelesaian					
	a. Beberapa alternatif cadangan penyelesaian yang kreatif dan inovatif dipertimbangkan.	Nilai cadangan penyelesaian.	Semak: i. Cara pemilihan alternatif dibuat (dokumen atau sampel). ii. Surat kebenaran persembahan. iii. Surat kelulusan uji cuba. iv. Minit mesyuarat kumpulan KIK (perancangan untuk persembahan).	8	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN RUJUKAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
	b. Pendekatan secara sistematis dalam memilih cadangan penyelesaian.				
	c. Pelaksanaan cadangan penyelesaian dapat dilakukan dengan berkesan dan baik dalam tempoh percubaan (<i>try run</i>).	Pelaksanaan uji cuba.	Semak: <ul style="list-style-type: none">i. Perancangan pelaksanaan uji cuba.ii. Surat kelulusan untuk melaksanakan uji cuba.iii. Model yang dihasilkan (termasuk yang tidak berjaya).iv. Bahan bukti pembelian barang untuk menyediakan model uji cuba (jika berkenaan).v. Data yang dikumpulkan hasil daripada uji cuba.	15	
6	Tindakan Penyeragaman (<i>Standardization</i>)				
	a. Cadangan penyelesaian telah diterima dan kaedah pemantauan yang sesuai dan sistematis untuk memastikan tindakan pembetulan yang perlu telah dijalankan sebelum tindakan penyeragaman.	Tindakan pembetulan dan penyeragaman dilaksanakan.	Semak: <ul style="list-style-type: none">i. Tindakan pembetulan yang diambil hasil uji cuba yang dilaksanakan.ii. Lokasi-lokasi penyeragaman yang dilaksanakan.	7	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN RUJUKAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
	b. Tindakan susulan diambil untuk memastikan cadangan projek dikekalkan sebagai cara bekerja baru dengan pindaan atau tambahan kepada Arahan Kerja, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja atau <i>Standard Operating Procedures</i> .	Tindakan susulan untuk mengekalkan kejayaan KIK.	Semak: i. Perancangan yang disediakan dan dilaksanakan. ii. Dokumen yang dikemaskini untuk menerapkan pencapaian KIK dalam proses kerja baru.	6	
7	Pencapaian Hasil Projek (<i>Outcome</i>)				
	a. Faedah-faedah sama ada: i) Pengurangan kos operasi. ii) Penjimatan masa. iii) Peningkatan output / hasil kerja. iv) Penjimatan sumber manusia. Faedah-faedah lain sama ada: i) Tahap kepuasan hati pelanggan. ii) Tahap kepuasan pekerja. iii) Imej Jabatan.	Pencapaian Projek	Semak: i. Bahan bukti yang menunjukkan faedah jelas diperolehi daripada pelaksanaan projek KIK ini. ii. Borang selidik yang digunakan untuk mengukur kepuasan pelanggan (jika berkenaan).	10	
	b. Sumbangan pelaksanaan cadangan penyelesaian kepada pencapaian objektif organisasi (impak).	Impak projek KIK kepada organisasi.	Semak: i. Bahan bukti yang menunjukkan impak diperolehi daripada pelaksanaan projek KIK ini.	8	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN RUJUKAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
	c. Pendekatan secara sistematis. Kaedah / alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai faedah-faedah diperolehi dengan kos pelaksanaan cadangan penyelesaian.	Penilaian Kos Faedah.	Semak: i. Kesahihan dokumen-dokumen yang digunakan di dalam mengira kos faedah projek KIK.	4	
8	Penilaian Kumpulan				
	a. Pendekatan secara sistematis. Kaedah / alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai kemajuan kumpulan dalam pengendalian aktiviti KIK.	Carta Radar.	Semak: i. Borang-borang penilaian kumpulan yang digunakan sebelum dan selepas projek KIK.	3	
	b. Kumpulan mengambil tindakan-tindakan untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli semasa penyelesaian dijalankan demi kebaikan masa hadapan.	Tindakan yang diambil untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli kumpulan.	Semak: i. Minit Mesyuarat kumpulan KIK. ii. Surat menyurat. iii. Buku perkhidmatan ahli KIK.	3	
	c. Pembelajaran-pembelajaran yang diperolehi oleh kumpulan.				
JUMLAH				100	



LAMPIRAN 1(b)

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT TAHUN 2016

Skema Pemarkahan Kriteria Pemeriksaan Projek KIK (30%)

KATEGORI : HIBRID

NAMA KUMPULAN : _____

NAMA PANEL PENILAI : _____

Skema Pemarkahan:
0 - 2 (Lemah)
3 - 5 (Sederhana)
6 - 8 (Baik)
9 - 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN DIRUJUK	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
1	Pengenalan				
	a. Latar belakang organisasi dan kumpulan yang terlibat serta pembangunan dan perancangan projek.	i. Menilai organisasi yang terlibat. ii. Pemilihan Ahli Kumpulan; dan iii. Pelaksanaan projek.	i. Surat kelulusan Agensi berhubung dengan penubuhan Kumpulan. ii. Surat perlantikan ahli kumpulan. iii. Tarikh penubuhan Kumpulan – rujuk minit mesyuarat Kumpulan. iv. Minit mesyuarat kumpulan menjelaskan pengagihan tugas. v. Perancangan dan pelaksanaan projek dilaksanakan seperti mana diperincikan di dalam Jadual Perbatuan. vi. Status pelaksanaan projek dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat.	2	
	b. Pernyataan dan penjelasan isu projek.	Menilai suasana tempat kerja berkaitan dengan projek yang dilaksanakan.	Semak: i. Kaedah pemilihan masalah direkodkan atau diminitkan.	3	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN DIRUJUK	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
			ii. Kesahihan masalah yang dikenalpasti (masalah berkenaan wujud di dalam organisasi). iii. Sumber data.		
	c. Mengemukakan dan mempersempahkan data-data sebelum/semasa bagi projek berkenaan.	Menilai dokumentasi pengumpulan data.	Semak: i. Kaedah analisis yang dipilih. ii. Borang soal selidik (jika berkaitan). iii. Analisis direkodkan.	2	
	d. Menyata dan menjelaskan sasaran projek	Sasaran projek ditetapkan berasarkan objektif dan piagam pelanggan organisasi serta analisis data.	Semak: i. Kesahihan dan ketepatan kenyataan objektif dan piagam pelanggan (mesti sama dengan yang tertulis di dalam dokumen). ii. Kesahihan data dikumpul. digunakan iii. Semakan borang yang digunakan (jika berkenaan) iv. Sumber data.	3	
2	Inovasi Yang Dibangunkan (Wajaran: 20 markah)				
	a. Penjelasan mengenai usaha penjanaan idea kreatif dalam menyelesaikan isu yang disasarkan.	Menilai cadangan penyelesaian.	Semak; i. Cara pemilihan alternatif dibuat (dokumen atau sampel). ii. Surat kebenaran persembahan.	10	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN DIRUJUK	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
			iii. Surat kelulusan uji cuba. iv. Minit mesyuarat kumpulan KIK (perancangan untuk persembahan).		
	b. Penerangan tentang inovasi yang dibangunkan.	Huraian terhadap konsep idea yang dibangunkan.	Semak; i. Bagaimana idea ini diilhamkan. ii. Bahan bukti usaha penyemakan (literature review) yang dilaksanakan oleh kumpulan untuk menilai keaslian atau adaptasi produk yang dihasilkan.	5	
	c. Langkah-langkah pelaksanaan inovasi yang dibangunkan sehingga mencapai sasaran projek	Pelaksanaan uji cuba.	Semak; i. Perancangan pelaksanaan uji cuba. ii. Surat kelulusan untuk melaksanakan uji cuba. iii. Model yang dihasilkan (termasuk yang tidak berjaya). iv. Bahan bukti pembelian barang untuk menyediakan model uji cuba (jika berkenaan). v. Data yang dikumpulkan hasil daripada uji cuba.	5	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN DIRUJUK	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
3	Keberhasilan dan Impak Projek (Wajaran: 65 markah)				
	a. Impak tinggi, contoh: kos sara hidup, manfaat kepada rakyat, peningkatan produktiviti dan sebagainya.	i. Impak projek kepada organisasi; dan ii. Penilaian Kos Faedah.	Semak; i. Bahan bukti yang menunjukkan impak diperolehi daripada pelaksanaan projek KIK ini. ii. Kesahihan dokumen-dokumen yang digunakan di dalam mengira kos faedah.	20	
	b. Kos rendah – kos yang wajar dalam membangunkan inovasi berkenaan	Pencapaian Projek.	Semak; i. Bahan bukti yang menunjukkan faedah jelas diperolehi daripada pelaksanaan projek KIK ini. ii. Borang soal selidik yang digunakan untuk mengukur kepuasan pelanggan (jika berkenaan).	15	
	c. Inovasi yang dapat dilaksanakan dengan pantas	Tindakan pembetulan.	Semak; i. Tindakan pembetulan yang diambil hasil uji cuba yang dilaksanakan. ii. Perancangan yang disediakan dan dilaksanakan.	15	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN DOKUMENTASI	KRITERIA PENILAIAN DI LOKASI PROJEK	DOKUMEN DIRUJUK	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
				(a)	(b)
	d. Langkah mengadaptasi projek/inovasi di organisasi lain.	Penyeragaman dilaksanakan.	Semak; i. Kaedah pemilihan lokasi. ii. Lokasi-lokasi penyeragaman atau adaptasi yang dilaksanakan. iii. Dokumen yang dikemaskini untuk menerapkan pencapaian KIK dalam proses kerja baru.	15	
4	Penutup (Wajaran: 5 markah)				
	a. Penjelasan mengenai pembelajaran / faedah yang diperolehi daripada pelaksanaan projek	Carta Radar; dan Tindakan yang diambil untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli kumpulan.	Semak; i. Borang-borang penilaian kumpulan yang digunakan sebelum dan selepas projek KIK. ii. Minit Mesyuarat kumpulan KIK. iii. Surat menyurat. iv. Buku perkhidmatan ahli KIK.	5	
JUMLAH				100	



LAMPIRAN 2(a)

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT 2016

Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Persembahan Projek KIK (20%)

KATEGORI : _____
NAMA KUMPULAN : _____
TAJUK : _____

Skema Pemarkahan:
0 - 2 (Lemah)
3 - 5 (Sederhana)
6 - 8 (Baik)
9 - 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
		(a)	(b)
1	Pengenalan Projek		
	a) Pengenalan.	5	
	b) Latar belakang projek.	5	
2	Analisis Projek		
	a) Kaedah analisis jelas dan difahami.	5	
	b) Kesinambungan idea antara idea.	5	
	c) Persembahan data yang tersusun dan menarik.	5	
3	Cadangan Penyelesaian		
	a) Cadangan yang jelas dan difahami.	5	
	b) Pemilihan cadangan yang logik dan difahami.	5	
	c) Pelaksanaan (<i>try run</i>) yang logik dan difahami.	5	
4	Outcome & Impak		
	a) <i>Outcome</i> diukur dan dijelaskan dengan baik.	10	
	b) Impak diukur dan dijelaskan dengan baik.	10	
5	Kreativiti Penyampaian		
	Kreativiti Penyampaian.	40	
JUMLAH		100	



LAMPIRAN 2(b)

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT TAHUN 2016

Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Persembahan Projek KIK (20%)

KATEGORI : HIBRID

NAMA KUMPULAN : _____

NAMA PANEL PENILAI : _____

Skema Pemarkahan:
0 - 2 (Lemah)
3 - 5 (Sederhana)
6 - 8 (Baik)
9 - 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM : 10)
		(a)	
1	Pengenalan Projek		
	a. Pemilihan cadangan projek yang logik dan difahami.	5	
	b. Cadangan yang jelas dan difahami.	5	
2	Analisis Inovasi Dicadangkan		
	a. Kaedah analisis jelas dan difahami.	5	
	b. Kesinambungan idea antara idea.	5	
	c. Persembahan data yang tersusun dan menarik.	5	
3	Pelaksanaan Cadangan Penyelesaian		
	a. Langkah-langkah pelaksanaan (<i>dry run</i>) inovasi yang logik dan difahami.	5	
	b. Mengadaptasi inovasi di organsasi lain.	5	
	c. Kos pelaksanaan yang rendah atau menjimatkan.	5	
4	Outcome & Impak		
	a. <i>Outcome</i> diukur dan dijelaskan dengan baik.	10	
	b. Impak diukur dan dijelaskan dengan baik.	10	
5	Kreativiti Penyampaian		
	a. Kreativiti Penyampaian.	40	
		JUMLAH	100



LAMPIRAN 3(a)

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT 2016

Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Projek KIK Melalui Dokumentasi (40%)

KATEGORI : _____
NAMA KUMPULAN : _____
TAJUK : _____

Skema Pemarkahan:
0 - 2 (Lemah)
3 - 5 (Sederhana)
6 - 8 (Baik)
9 - 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
		(a)	
1	Pengenalan		
	a. Latar belakang jabatan, kumpulan dan pemilihan ahli kumpulan diterangkan.	1	
	b. Kumpulan menjelaskan bukti penyertaan dan perancangan projek.	2	
2	Pemilihan Projek		
	a. Projek yang dipilih berdasarkan kepada kajian latar belakang dan maklumat serta data-data masa lepas.	5	
	b. Projek yang dipilih memenuhi kehendak pelanggan organisasi; atau bahagian; atau unit di mana kumpulan itu berkhidmat. Ia juga menepati wawasan, matlamat, objektif atau piagam pelanggan unit / bahagian / organisasi.	5	
	c. Pemilihan projek dilakukan secara sistematik.	4	
3	Penjelasan Projek		
	a. Projek diterangkan dengan jelas. Istilah-istilah teknikal yang digunakan perlu dijelaskan.	6	
	b. Cara penetapan objektif / sasaran projek diterangkan dengan jelas berdasarkan analisa data atau Penanda Arasan.	3	
4	Analisa Projek		
	a. Pendekatan secara sistematik dan bersesuaian untuk tujuan mengenalpasti dan mengesahkan sebab-sebab masalah yang paling mungkin atau isu yang berkaitan.	7	
	b. Pendekatan secara sistematik dan bersesuaian untuk tujuan mengumpul data berkaitan dengan projek.	7	
	c. Persembahan data yang berkesan.	5	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
		(a)	(b)
5	Cadangan Penyelesaian		
	a. Beberapa alternatif cadangan penyelesaian yang kreatif dan inovatif dipertimbangkan.	8	
	b. Pendekatan secara sistematis dalam memilih cadangan penyelesaian.	7	
	c. Pelaksanaan cadangan penyelesaian dapat dilakukan dengan berkesan dan baik dalam tempoh percubaan (<i>try run</i>).	3	
6	Tindakan Penyeragaman (<i>Standardization</i>)		
	a. Cadangan penyelesaian telah diterima dan kaedah pemantauan yang sesuai dan sistematis untuk memastikan tindakan pembetulan yang perlu telah dijalankan sebelum tindakan penyeragaman.	3	
	b. Tindakan susulan diambil untuk memastikan cadangan projek dikekalkan sebagai cara bekerja baru dengan pindaan atau tambahan kepada Arahan Kerja, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja atau <i>Standard Operating Procedures</i> .	5	
7	Pencapaian Hasil Projek (<i>Outcome</i>)		
	a. Faedah-faedah sama ada: i) Pengurangan kos operasi ii) Penjimatan masa iii) Peningkatan <i>output</i> / hasil kerja iv) Penjimatan sumber manusia Faedah-faedah lain sama ada: i) Tahap kepuasan hati pelanggan ii) Tahap kepuasan pekerja ii) Imej Jabatan	12	
	b. Sumbangan pelaksanaan cadangan penyelesaian kepada pencapaian objektif organisasi (impak).	8	
	c. Pendekatan secara sistematis. Kaedah / alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai faedah-faedah diperolehi dengan kos pelaksanaan cadangan penyelesaian.	3	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
		(a)	(b)
8	Penilaian Kumpulan		
	a. Pendekatan secara sistematis. Kaedah / alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai kemajuan kumpulan dalam pengendalian aktiviti KIK.	2	
	b. Kumpulan mengambil tindakan-tindakan untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli semasa penyelesaian dijalankan demi kebaikan masa hadapan.	2	
	c. Pembelajaran-pembelajaran yang diperolehi oleh kumpulan.	2	
	JUMLAH	100	



LAMPIRAN 3(b)

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT TAHUN 2016

Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Projek KIK Melalui Dokumentasi (40%)

KATEGORI : HIBRID

NAMA KUMPULAN : _____

NAMA PANEL PENILAI : _____

Skema Pemarkahan:
0 - 2 (Lemah)
3 - 5 (Sederhana)
6 - 8 (Baik)
9 - 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
		(a)	(b)
1	Pengenalan (Wajaran: 10 markah)		
	a. Latar belakang organisasi dan kumpulan yang terlibat serta pembangunan dan perancangan projek.	2	
	b. Pernyataan dan penjelasan isu projek.	3	
	c. Mengemukakan dan mempersembahkan data-data sebelum/semasa bagi projek berkenaan.	2	
	d. Menyata dan menjelaskan sasaran projek.	3	
2	Inovasi yang dibangunkan (Wajaran: 20 markah)		
	a. Penjelasan mengenai usaha penjanaan idea kreatif dalam menyelesaikan isu yang disasarkan.	10	
	b. Penerangan tentang inovasi yang dibangunkan.	5	
	c. Langkah-langkah pelaksanaan inovasi yang dibangunkan sehingga mencapai sasaran projek.	5	
3	Keberhasilan dan impak projek (Wajaran: 65 markah)		
	a. Impak tinggi, contoh: kos sara hidup, manfaat kepada rakyat, peningkatan produktiviti dan sebagainya.	20	
	b. Kos rendah – kos yang wajar dalam membangunkan inovasi berkenaan.	15	
	c. Inovasi yang dapat dilaksanakan dengan pantas.	15	
	d. Langkah mengadaptasi projek/inovasi di organisasi lain.	15	



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN / PENCALONAN
KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT TAHUN 2016**



ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
		(a)	(b)
4	Penutup (Wajaran: 5 markah)		
	a. Penjelasan mengenai pembelajaran/faedah yang diperolehi daripada pelaksanaan projek.	5	
	JUMLAH	100	



LAMPIRAN 4

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT 2016

Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Pameran Projek KIK (10%)

KATEGORI : _____
NAMA KUMPULAN : _____
TAJUK : _____

Skema Pemarkahan:
0 - 2 (Lemah)
3 - 5 (Sederhana)
6 - 8 (Baik)
9 - 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)
		(a)	(b)
1	Kreativiti a) Rekabentuk. b) Bahan pameran.	20	
		20	
2	Penyampaian maklumat projek.	15	
3	Penggunaan ruang.	15	
4	Alat sokongan pameran.	10	
5	Hospitaliti.	10	
6	Menerangkan fungsi dan mempromosikan hasil projek: a) Jelas dan mudah difahami. b) Tersusun. c) Kreatif.	10	
JUMLAH		100	